



Pengajaran Lisan: Perbualan Berdasarkan Gambar dengan Menggunakan Teknik KTWP

Norazisza Mohamed Taib

norazisza_mohamed_taib@moe.edu.sg

Nurisha Hamid

Sekolah Menengah Coral

nurisha_hamid@moe.edu.sg

Abstrak

Komponen perbualan berdasarkan gambar merupakan komponen yang baru diuji di peringkat nasional aliran ‘Normal Teknikal’ dan belum pernah diperkenalkan dalam penilaian kemahiran perbualan berdasarkan gambar. Bagi meningkatkan kemahiran ini, strategi KTWP (Keadaan, Tujuan, Watak, Pengalaman) telah digunakan. Sebelum ini pelajar tidak pernah didedahkan kepada strategi perbualan secara spontan dengan berkesan. Dengan menggunakan strategi KTWP, pelajar dapat mengutarakan idea secara sistematik dan menyeluruh. Strategi pengajaran dengan menggunakan akronim KTWP ini membolehkan pemerencahan dilaksanakan. Penggunaan akronim KTWP dengan tidak langsung dapat memberikan bantuan secara bertahap-tahap kepada pelajar. Satu kajian keberkesanan strategi KTWP ini telah dijalankan dan melibatkan para pelajar 2NT. Rubrik KTWP telah diperkenalkan kepada pelajar untuk membantu pelajar menilai isi penyampaian secara kendiri. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa 38.1% pelajar berada dalam jalur 1 hingga 2 setelah melalui kajian ini. Dapatkan kajian juga menunjukkan bahawa strategi KTWP berkesan dalam membantu pelajar menjawab komponen perbualan berdasarkan gambar.

Kata kunci

Teknik KTWP, Pengajaran Lisan, Normal Teknikal,
Perbualan Berdasarkan Gambar

PENGENALAN

Bahasa pertuturan sehari-hari digunakan di sekolah sebagai alat komunikasi. Oleh itu, proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah adalah interaksi sosial yang paling berpengaruh di sekolah. Justeru, kecekapan berbahasa, terutamanya berkaitan lisan di dalam dan di luar kelas memainkan peranan yang penting. Interaksi lisan juga merupakan satu proses pertukaran makna melibatkan penutur dan pendengar. Menurut Saville-Troike (2003), kecekapan berinteraksi membolehkan penutur bukan sahaja mempunyai kebolehan berbahasa tetapi juga harus mengetahui semua yang hendak dikatakan kepada pendengar, dan cara hendak mengujarkannya sesuai dalam situasi-situasi tertentu.

Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran lisan memainkan peranan yang penting untuk membolehkan pelajar-pelajar berinteraksi dengan efektif. Untuk mencapai matlamat ini, pelajar-pelajar haruslah dibimbing oleh guru-guru dengan menggunakan kaedah perancahan. Yang demikian, kajian ini dikemukakan dengan menggunakan kaedah perancahan, iaitu menggunakan teknik akronim untuk melihat keberkesanan pembelajaran pelajar dalam komponen lisan. Kajian ini juga merupakan satu usaha intervensi bagi membantu membina kemahiran lisan bagi pelajar-pelajar khususnya pelajar-pelajar peringkat Normal Teknikal.

PERNYATAAN MASALAH

Komponen ‘Perbualan Berdasarkan Gambar’ merupakan komponen baharu dalam peperiksaan lisan 2014. Masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar ialah mereka tidak berupaya berinteraksi dengan berkesan. Mereka juga kurang berkeyakinan dan kurang mampu untuk menyusun dan mengaitkan maklumat dengan pengetahuan sedia ada dan pengalaman mereka. Hal ini terjadi demikian kerana mereka belum didedahkan kepada strategi yang berkesan.

Disebabkan masalah ini, kaedah perancahan menggunakan teknik akronim telah dipilih untuk memastikan pelajar-pelajar dapat berinteraksi dengan efektif. Teknik akronim yang digunakan untuk meningkatkan kemahiran ini ialah teknik KTWP (Keadaan, Tujuan, Watak, Pengalaman). Dengan menggunakan teknik KTWP, pelajar dapat mengutarakan idea secara sistematik dan menyeluruh. Proses menggunakan akronim KTWP secara tidak langsung dapat memberikan perancangan pembelajaran secara bertahap-tahap. Apabila pelajar-pelajar dapat menggunakan teknik ini, mereka dapat berinteraksi dengan fasih, lancar dan yakin serta dapat mengaitkan pengalaman mereka.

Di samping itu, rubrik bagi menilai KTWP turut diperkenalkan kepada pelajar-pelajar untuk membantu mereka menilai isi penyampaian secara kendiri. Rubrik ini berlandaskan rubrik yang disediakan oleh pihak SEAB. Namun, ia telah dikemas kini untuk memudahkan penggunaanya. Para pelajar dapat menilai kelakuan mereka dengan cepat dan juga dapat mengemaskinikan komponen manakah yang perlu dipertingkatkan.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk :

1. melihat keberkesanannya teknik akronim KTWP dalam pengajaran dan pembelajaran lisan khususnya komponen ‘Perbualan Berdasarkan Gambar’
2. menilai kebolehan pelajar bertutur secara sistematis dan jelas dengan menggunakan teknik KTWP; dan
3. membolehkan pelajar-pelajar menilai secara kendiri dengan menggunakan rubrik KTWP.

KAJIAN LITERATUR

Perancahan ialah istilah yang digunakan oleh Vygotsky dalam menjelaskan bantuan dan sokongan yang diberikan oleh individu yang lebih berpengetahuan kepada individu yang kurang berpengetahuan supaya perkembangan kognitif berlaku. Pelajar akan mengambil alih tanggungjawab hanya setelah mereka mampu mengerjakannya sendiri setelah bantuan diberikan oleh guru yang berupa petunjuk, peringatan dan juga dorongan.

Menurut pandangan Konstruktivisme pula, pengetahuan dibina secara aktif oleh individu yang berfikir. Individu ini tidak menyerap secara pasif, sebarang pengetahuan yang disampaikan oleh gurunya. Pelajar akan menyesuaikan sebarang maklumat baharu dengan pengetahuan sedia ada mereka untuk membentuk pengetahuan baharu dalam minda mereka dengan bantuan interaksi sosial bersama rakan dan gurunya. Untuk membantu pelajar membina konsep atau pengetahuan baharu, guru harus mengambil kira struktur kognitif yang sedia ada pada mereka. Apabila maklumat baharu telah disesuaikan dan diserap, barulah kerangka baharu tentang sesuatu bentuk ilmu pengetahuan dapat dibina.

Menurut Norazisza, M.T. & Nurisha, H. (2011), pengajaran yang menekankan kepada proses perancahan dalam pembelajaran lisan telah

membantu pembelajaran pelajar. Kaedah perancahan menggunakan teknik akronim terbukti berkesan membantu pelajar mengembangkan idea dengan lebih tersusun, jelas dan menarik.

Kajian lepas yang dinyatakan di atas jelas menunjukkan pengajaran dan pembelajaran yang menekankan kaedah perancahan dapat membantu meningkatkan keupayaan pelajar-pelajar berinteraksi secara efektif dalam komponen ‘Perbualan Berdasarkan Gambar’.

KAEDAH KAJIAN

SUBJEK KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian pengajaran yang melibatkan 21 pelajar menengah 2 aliran Normal Teknikal. Pemilihan para pelajar ini berdasarkan aliran dan tahap pendedahan kepada komponen perbualan berdasarkan gambar yang telah didedahkan kepada mereka pada tahun lepas. Walaupun pelajar telah didedahkan kepada komponen ini, guru mendapati bahawa penerangan pelajar mengenai gambar agak terhad, kurang jelas dan kurang koheren. Oleh itu, strategi pengajaran ini diperkenalkan agar dapat membantu pelajar mengembangkan idea dan menyampaikannya dengan lebih sistematik dan menyeluruh.

INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini menggunakan sebanyak empat gambar, lembaran kerja KTWP secara individu dan berkumpulan serta rubrik KTWP sebagai instrumen kajian. Pengajaran lisan dijalankan di bilik darjah di mana beberapa guru telah memantau pengajaran dan pembelajaran.

PROSEDUR KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian pengajaran yang dijalankan melalui dua proses kitaran kajian. Bagi kitaran kajian pertama, untuk sesi induksi, guru menayangkan sebuah gambar dan beberapa ayat yang menerangkan gambar tersebut. Pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Setiap kumpulan yang mempunyai seramai empat atau lima pelajar diberikan kad berwarna yang dicetak dengan huruf K (Keadaan), T (Tujuan), W (Watak) dan P (Pengalaman). Pelajar dikehendaki mengenal pasti ayat-ayat yang dipancarkan dan menentukan sama ada ayat-ayat

itu menggambarkan salah satu daripada huruf yang diberikan.

Guru kemudian menerangkan teknik KTWP untuk mengukuhkan pengetahuan pelajar. Pelajar diminta menjawab secara sistematik dan memulakan perbualan dengan menyatakan gambaran keadaan mengenai gambar yang diberikan dan menjelaskan tema yang berkaitan dengan gambar. Bagi komponen K (Keadaan), pelajar dikehendaki memberikan gambaran yang lebih terperinci mengenai keadaan seperti tempat, keadaan sekeliling dan orang ramai. Pelajar kemudian diminta mengenal pasti apakah tujuan aktiviti yang dipaparkan di dalam gambar yang diberikan bagi komponen T (Tujuan). Bagi komponen W (Watak) pula, pelajar diminta menerangkan mengapa watak tersebut telah berjaya menarik perhatian mereka. Kemudian, pelajar dikehendaki mengaitkan komponen P (Pengalaman) mereka yang berkaitan gambar tersebut. Ini akan membuat perbualan mereka lebih autentik.

Penggunaan akronim ini membolehkan guru melaksanakan perancangan agar dapat membantu pelajar memberikan jawapan secara bertahap-tahap. Pelajar kemudian diberikan gambar seterusnya untuk tujuan latihan berkumpulan. Pelajar diminta menjawab secara sistematik dengan menulis beberapa ayat mengenai keadaan (K) dan seterusnya tujuan (T), watak (W) dan pengalaman (P) dalam gambar yang diberikan.

Sebelum pelajar diminta menyampaikan hasil perbincangan mereka, guru juga akan menekankan jumlah isi yang diperlukan bagi menggambarkan setiap huruf. Strategi ini diperkenalkan agar pelajar dapat memberikan jumlah isi yang diperlukan dan juga menilai penyampaian mereka secara kendiri dalam sesi pengajaran pusingan kedua. Guru kemudian akan meminta beberapa kumpulan untuk menyampaikan catatan mereka dengan menggunakan teknik yang telah dipelajari. Pelajar juga diminta mencatat hasil penyampaian rakan.

Penilaian secara kendiri pula dijalankan untuk kitaran kajian kedua. Guru menerangkan bagaimana para pelajar dapat menilai penyampaian mereka secara kendiri melalui Rubrik KTWP (Rajah 1). Pelajar dikehendaki menilai hasil catatan rakan mereka dahulu dan menyampaikan penilaian itu di hadapan kelas. Guru akan memberi komen serta menjelaskan sama ada penilaian yang dibuat itu adil. Teknik penggunaan Rubrik KTWP ini dapat membantu pelajar menilai penyampaian mereka dan mengetahui tahap pencapaian mereka.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dua ujian kelas telah dijalankan. Ujian pertama dijalankan sebelum teknik KTWP diperkenalkan kepada pelajar-pelajar dan ujian kedua dijalankan setelah teknik ini diperkenalkan. Bagi ujian pertama, 28.6% pelajar berada dalam jalur 1 hingga 2 berbanding dengan ujian kedua di mana 38.1% pelajar berjaya berada dalam jalur yang sama.

Pencapaian ini membuktikan bahawa strategi pengajaran ini berkesan untuk membantu pelajar mengembangkan idea mereka dengan lebih tersusun, jelas dan menarik selaras dengan pandangan Vygotsky. Dengan menggunakan strategi ini, pelajar akan mengambil alih tanggungjawab mengerjakan dan menilai hasil kerja sendiri setelah bantuan diberikan oleh guru yang berupa petunjuk, peringatan dan juga dorongan. Setiap kali komponen perbualan berdasarkan gambar diuji secara formatif, pelajar secara automatik akan mengaplikasikan akronim KTWP untuk menjawab komponen tersebut. Penggunaan Rubrik KTWP pula telah memberi peluang bagi pelajar menyemak catatan mereka dan memastikan semua kehendak isi telah pun terjawab.

Menurut pandangan Konstruktivisme pula, melalui penilaian kendiri dengan menggunakan Rubrik KTWP, pengetahuan dibina secara aktif oleh individu yang berfikir dan menyesuaikan sebarang maklumat baharu dengan pengetahuan sedia ada mereka.

KESIMPULAN

Cabarannya lebih kepada tahap keberkesanan penilaian kendiri pelajar. Pelajar mungkin tidak dapat membezakan antara isi utama yang diberikan dengan lanjutan kepada isi yang sama. Selain itu, dengan menetapkan jumlah isi yang diperlukan pelajar mudah puas hati dengan memenuhi kehendak minimum yang ditetapkan. Tidak ramai pelajar yang cuba memberikan jawapan yang melebihi daripada apa yang diperlukan.

Selain itu, masa untuk mengendalikan ujian agak terbatas. Bagi menilai keberkesanan teknik ini, guru-guru perlu menjalankan ujian secara individu. Ini memerlukan masa yang agak panjang. Kesimpulannya, strategi ini dapat membantu pelajar untuk menjawab komponen perbualan berdasarkan gambar dengan mengembangkan idea dan menyampaikannya dengan lebih sistematik dan menyeluruh. Pelajar juga dapat menentukan keperluan isi serta tahap pencapaian masing-masing. Mereka dapat menilai kelakonan mereka dengan

cepat dan juga dapat mengecam komponen manakah yang perlu dipertingkatkan.

Nota:

Guru berikut turut terlibat dalam kajian yang dijalankan.

1. A'zimah Muhammad
2. Ida Murni Ismail
3. Siti Norzahurin Sudin,

RUJUKAN

- Norazisza, M.T. & Nurisha, H. (2011). Pengajaran Lisan: Perbualan Berdasarkan Gambar dengan menggunakan teknik K2WS2. Seminar Bahasa Melayu 2011, Singapura.
- Saville-Troike, Muriel. (2003). Ethnography of communication: An introduction. 3rd Edition. Oxford: Blackwell Publishing.

SUMBER DARI INTERNET

- Constructivist Theory (Bruner,J). [Online]. Available: <http://www.gwu.edu/~tip/bruner.html>
Lev Vygotsky Archive. Retrieved from <http://www.Vygotsky/archive>.

Rubrik KTWP

Jalur	1	2	3	4
Julat Markah	7-8 Markah	5-6 Markah	3-4 Markah	1-2 Markah
Isi Penyampaian	<p>penerangan yang cukup tentang gambar:</p> <p>Keadaan – 3 Isi <input type="checkbox"/></p> <p>Tujuan – 2 Isi <input type="checkbox"/></p> <p>Watak Khas – 2 Isi <input type="checkbox"/></p> <p>Pengalaman – 3 Isi <input type="checkbox"/></p> <p>sedikit bantuan diperlukan</p>	<p>penerangan yang kurang tentang gambar:</p> <p>Keadaan – 2 Isi <input type="checkbox"/></p> <p>Tujuan – 1 Isi <input type="checkbox"/></p> <p>Watak Khas – 1 Isi <input type="checkbox"/></p> <p>Pengalaman – 2 Isi <input type="checkbox"/></p> <p>sekali-sekala memerlukan bantuan</p>	<p>penerangan yang mudah tentang gambar:</p> <p>Keadaan – 1 Isi <input type="checkbox"/></p> <p>Tujuan – 1 Isi <input type="checkbox"/></p> <p>Watak Khas – 1 Isi <input type="checkbox"/></p> <p>selalu memerlukan bantuan</p>	<p>tidak dapat menerangkan tentang gambar</p> <p>banyak memerlukan bantuan</p>
Jumlah Markah				

Keadaan *3 isi*

Nyatakan:

- **Apa:** Terangkan *apa* yang kamu lihat
- **Bila:** Bilakah gambar ini diambil
- **Mana:** Terangkan *tempat* gambar ini diambil

Keadaan gambar ini menunjukkan sekumpulan pelajar yang mungkin sedang memungut sampah kerana memegang beg plastik hitam.

Mungkin mereka sedang melakukan aktiviti ini pada hari Projek Pelibatan Kemasyarakatan (CIP).

Mereka sedang melakukannya di tepi pantai.

Tujuan *2 isi*

Nyatakan:

- **Tujuan:** aktiviti/perkara yang kamu lihat dalam gambar
- **Mengapa:** aktiviti/perkara ini dijalankan. Jelaskan.

Tujuan aktiviti ini diadakan ialah mungkin sebagai sebuah aktiviti kemasyarakatan bersama kelas mereka.

Dengan melakukan aktiviti kemasyarakatan seperti ini, mereka juga dapat menjaga alam sekitar.

Watak Khas *2 isi*

Fokuskan kepada:

- perbuatan *watak penting* yang menarik perhatian anda
ATAU
- Jikalau tiada watak, jelaskan "*Perkara* yang menarik perhatian saya ialah..."

Watak khas yang menarik perhatian saya ialah pelajar perempuan yang sedang memegang beg plastik hitam dan sedang menghulurkan beg plastik tersebut ke arah kawan-kawannya.

Kemungkinan dia sedang menyuruh rakan-rakannya untuk memasukkan sampah yang dipungut ke dalam beg plastik itu.

Pengalaman *3 isi*

Nyatakan:

- *Pengalaman* kamu yang serupa ATAU
- *jika tiada*, kongsi tentang "Jikalau saya berada di dalam situasi ini..."

Saya juga mempunyai pengalaman sebegini. Pada Hari Pelibatan Kemasyarakatan, kelas saya telah mengadakan *rumah hantu* yang telah dikunjungi oleh rakan sekolah.

Setiap orang yang mengunjungi *rumah hantu* kelas kami akan dikenakan bayaran dua dolar.

Wang yang kami kumpulkan telah diberikan kepada pelajar-pelajar di bawah Skim Bantuan Kewangan di sekolah kami.

Frasa Permulaan

Teknik KTWP

K

Keadaan gambar ini menunjukkan...
Mungkin ini sewaktu...
Ianya kelihatan seperti di...

T

Tujuan aktiviti ini diadakan mungkin untuk.../
Aktiviti ini diadakan mungkin kerana.../
Perkara ini terjadi mungkin kerana.../

W

Watak khas yang menarik perhatian saya
ialah... Ini kerana.../
Perkara yang menarik perhatian saya ialah...
Ini kerana.../

P

Saya mempunyai pengalaman sebegini. Saya
telah.../
Jikalau saya berada di dalam situasi sebegini,
saya akan...
Perasaan saya.../ Saya berasa...